



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KESUMA BERSAMA RAKYAT: KARNIVAL TEKNOLOGI & KREATIVITI JTM 2026 PERKUKUH AGENDA TVET SEBAGAI PEMACU MODAL INSAN NEGARA

Taiping, 12 Februari 2026 – Majlis Penutupan KESUMA Bersama Rakyat: Karnival Teknologi dan Kreativiti Jabatan Tenaga Manusia (JTM) 2026 telah berlangsung dengan jayanya di ADTEC JTM Kampus Taiping, Perak, dan disempurnakan oleh YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Program KESUMA Bersama Rakyat merupakan inisiatif rintis yang menggabungkan pelbagai program jabatan dan agensi sedia ada di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), dengan matlamat mendekatkan kementerian kepada rakyat melalui penyampaian perkhidmatan secara langsung. Program ini bertujuan menyebarluaskan serta mempromosikan dasar dan inisiatif baharu KESUMA, meningkatkan pemahaman dan kesedaran awam terhadap hala tuju serta matlamat kementerian, di samping membina kepercayaan dan keyakinan antara Kerajaan dan rakyat.

Sepanjang tahun 2026, sebanyak enam siri Program KESUMA Bersama Rakyat akan dilaksanakan mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Sabah dan Labuan serta Zon Sarawak. Penganjuran Karnival Teknologi & Kreativiti JTM 2026 di Taiping ini merupakan pelaksanaan peringkat Zon Utara, yang berlangsung pada 11 dan 12 Februari 2026.

Karnival selama dua hari ini merupakan inisiatif KESUMA bagi mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, di samping memperkukuh peranan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama pembangunan modal insan dan daya saing ekonomi negara.

Berucap pada majlis penutupan, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia menegaskan bahawa penganjuran karnival ini bukan sekadar acara tahunan, malah merupakan manifestasi komitmen Kerajaan MADANI dalam merapatkan jurang antara perkhidmatan kerajaan dengan keperluan sebenar rakyat. Kerajaan percaya bahawa pelaburan paling bernilai untuk masa depan negara adalah pelaburan terhadap modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan relevan dengan keperluan industri.

Penganjuran karnival ini turut berfungsi sebagai platform sehati yang menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan, penyampaian maklumat berkaitan dasar serta inisiatif terkini KESUMA, di samping mempromosikan peluang latihan dan kerjaya dalam bidang TVET. Program ini membuka ruang interaksi langsung antara agensi kerajaan, rakan industri dan masyarakat bagi memperkasa ekosistem kemahiran negara secara bersepadu.

Antara pengisian utama karnival termasuk Pertandingan Kreativiti, Inovasi dan Teknologi (CITEC) 2026, pameran jabatan dan agensi di bawah KESUMA bersama rakan industri, sesi perkongsian ilmu Pocket Talk oleh pakar industri dan sektor awam, Karnival Lindung Kerjaya MYFutureJobs dengan kerjasama PERKESO, program khidmat komuniti, Jualan Termurah MADANI, serta program Eksplorasi TVET bersama Pusat Sains Negara.

Bertemakan “Inovasi Inklusif, Aspirasi Progresif”, karnival ini mencerminkan komitmen KESUMA dalam menyokong agenda pembangunan negara selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) dan Hala Tuju TVET Negara, dengan penekanan kepada pembangunan ekonomi berasaskan nilai kemanusiaan, keterangkuman sosial dan kelestarian jangka panjang.

Sebagai acara teras, CITEC 2026 telah menerima sebanyak 376 penyertaan daripada pelbagai peringkat meliputi murid sekolah, institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran, agensi kerajaan dan sektor swasta. Daripada jumlah tersebut, 340 penyertaan telah layak ke peringkat akhir dalam tujuh bidang utama termasuk automasi pembuatan dan reka bentuk perindustrian, elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi, alam sekitar dan tenaga, bahan dan bioteknologi, aeroangkasa dan pengangkutan serta pendidikan. Sambutan menggalakkan ini membuktikan minat yang semakin meningkat terhadap inovasi, teknologi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks hala tuju negara, KESUMA menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan dan industri bagi melahirkan bakat untuk industri masa hadapan seperti Kecerdasan Buatan (AI), Aeroangkasa dan Teknologi Hijau, selaras dengan keperluan pasaran buruh yang semakin dinamik.

Penganjuran karnival ini turut mendapat sokongan padu daripada rakan kerjasama strategik JTM antaranya AmBank Islamic Berhad, Advanced Retro Solution, Cyber Lab Sdn. Bhd., Kita Ryo Trading, Dräger Engineering, Chin Tech Sdn. Bhd., Co-opbank Pertama, AMT Services PLT, Akademi Bateriku, HHC Autobahn Sdn. Bhd. dan Chuan Sin Sdn. Bhd. Sinergi erat antara sektor industri dan institusi TVET ini mencerminkan komitmen bersama dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

KESUMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat serta mengucapkan tahniah kepada para pemenang CITEC 2026 atas pencapaian cemerlang yang dipamerkan. Program seumpama ini diharap dapat terus memperluas penyampaian dasar dan inisiatif Kerajaan MADANI, memperkukuh ekosistem TVET yang inklusif dan berorientasikan industri, serta memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada arus pembangunan ekonomi negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

12 FEBRUARI 2026

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	